

20 SEP 1999

DAP-Pilihan Raya

ISU UTAMA SAMA ADA BN BOLEH DINAFIKAN MAJORITI DUA PERTIGA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Isu terbesar dalam pilihan raya akan datang ialah sama ada rakyat Malaysia boleh menafikan Barisan Nasional (BN) majoriti dua pertiga, kata Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini.

Beliau berkata dalam satu kenyataan di sini, ia lebih daripada siapa antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang akan menjadi Perdana Menteri.

Lim berkata jika rakyat Malaysia boleh melakukan ini, ia akan dilihat sebagai satu amaran keras kepada pemimpin-pemimpin BN.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik semalam yang beliau yakin BN mempunyai sokongan 99 peratus masyarakat Cina dalam pilihan raya akan datang.

Dr Ling juga memberi amaran kepada pengundi Cina jika mereka tersilap dalam membuat pilihan, mereka mungkin menyaksikan Nik Aziz menjadi Perdana Menteri dan melaksanakan konsep negara Islam yang diilhamkan oleh PAS.

Lim berkata, adalah jelas yang muslihat MCA dan BN ialah memengaruhi pengundi yang pilihan raya kali ini ialah untuk menentukan siapa antara Dr Mahathir dan Nik Aziz yang akan menjadi Perdana Menteri atau sama ada Malaysia akan menjadi sebuah negara Islam.

"Saya bersetuju jika MCA dan BN dapat meyakinkan pengundi yang inilah dua isu terbesar dalam pilihan raya akan datang, maka kenyataan Dr Ling yang majoriti pengundi Cina akan menyokong BN akan menjadi realiti," katanya.

Jika kenyataan itu betul, Lim berkata, maka DAP akan menyaksikan kemerosotan lebih buruk penguasaannya dalam politik berbanding pilihan raya umum 1995.

Pada pilihan raya itu DAP yang memegang 20 kerusi Parlimen dan 46 kerusi Dewan Undangan Negeri menyaksikan penguasaannya merosot apabila ia hanya mampu memenangi masing-masing 9 dan 11 kerusi.

"Jika begitu, DAP menghadapi kemungkinan luput sama sekali di Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri...", katanya.

-- BERNAMA

SBJ RM PR